

# AXCEL GLUCOSATIN TABLET

Glucosamine Sulphate/ Chondroitin Sulphate Sodium (500mg/ 400mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Glucosatin Tablet.
2. Bagaimana Axcel Glucosatin Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Glucosatin Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Glucosatin Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Glucosatin Tablet.
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Glucosatin Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Glucosatin Tablet

Axcel Glucosatin Tablet digunakan sebagai terapi tambahan untuk osteoarthritis (penyakit sendi).

## Bagaimana Axcel Glucosatin Tablet berfungsi

Glucosamine terlibat dalam penghasilan tisu rawan dalam badan. Glucosamine juga didapati di dalam tendon dan ligamen. Glucosamine dan garamnya telah digunakan untuk dalam merawat penyakit reumatis yang menjelaskan sendi dan otot termasuk osteoarthritis. Glucosamine juga bertindak meningkatkan kelikatan cecair sinovial (bendalir di sekeliling sendi) dengan meningkatkan penghasilan cecair sinovial, dengan itu menyediakan aktiviti pelincir.

Chondroitin sulphate membantu mengekalkan integriti struktur tisu rawan. Ia juga mengelakkan kerosakan rawan.

Gabungan glucosamine dan chondroitin membantu melindungi tulang rawan sendi dari kerosakan, mengurangkan kesakitan sendi dan menambahbaikkan fungsi sendi dan pergerakan.

## Sebelum menggunakan Axcel Glucosatin Tablet

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Axcel Glucosatin Tablet jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada glucosamine, chondroitin atau kandungan dalam produk ini.
- Anda alergi pada kerang (makanan laut).
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat. Produk ini hanya boleh digunakan jika potensi manfaat kepada ibu melebihi potensi risiko kepada janin.

### -Sebelum menggunakan Axcel Glucosatin Tablet

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengalami kegagalan hati atau buah pinggang yang teruk.
- Anda menghidapi penyakit kencing manis jenis 2 dan berlebihan berat badan atau mengalami masalah toleransi glukosa. Tahap gula darah perlu dipantau secara berkala.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Axcel Glucosatin Tablet anda:

- Insulin.
- Agen antidiabetik: Acarbose, acetohexamide, chlorpropamide, glipizide, glyburide, metfomin, miglitol, pioglitazone, repaglinide, rosiglitazone, glimepiride, tolbutamide dan troglitazone.
- Agen antikanser: Doxorubicin, etoposide dan teniposide.
- Warfarin (digunakan untuk menghalang pembekuan darah).

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Glucosatin Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Glucosatin Tablet

### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

1 tablet 3 kali sehari, paling baik diambil sebelum makan.

Dos juga berdasarkan tahap penyakit:

- a) Simptom osteoarthritis ringan atau sederhana: 1 tablet diambil 2 kali sehari untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 minggu atau berdasarkan preskripsi perubatan.
- b) Simptom osteoarthritis yang teruk: Pada mulanya 1 tablet 3 kali sehari disarankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 8-12 minggu.
- c) Terapi susulan/pengekalan: 1 tablet diambil 2 kali sehari untuk tempoh 3-4 bulan.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Glucosatin Tablet mengikut keadaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Rawatan osteoarthritis perlu diulang setiap 6 bulan atau kurang (berdasarkan preskripsi perubatan).

Kesan terapi hanya akan dilihat selepas 2-3 minggu. Oleh itu, dinasihatkan mengambil ubat tahan sakit atau ubat anti-radang jika perlu dalam masa 2-3 minggu pertama terapi.

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya

# AXCEL GLUCOSATIN TABLET

Glucosamine Sulphate/ Chondroitin Sulphate Sodium (500mg/ 400mg)

pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

#### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

#### **Semasa menggunakan Axcel Glucosatin Tablet**

##### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Glucosatin Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

##### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Glucosatin Tablet dengan seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

##### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan pada 3 bulan pertama mengandung.
- Rujuk kepada doktor untuk mengecualikan kehadiran keadaan / penyakit sendi lain yang mana rawatan alternatif perlu dipertimbangkan.
- Elakkan mengguna Axcel Glucosatin Tablet pada kanak-kanak.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Glucosatin Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Kardiovaskular: Bengkak pada umumnya di bahagian kaki, pergelangan kaki, dan bawah kaki, kadar denyutan jantung lebih cepat dari biasa.
- Sistem saraf pusat: rasa mengantuk, sakit kepala dan sukar tidur.
- Perut dan usus: rasa loya, muntah, cirit-birit, ketidakhadaman atau kesakitan bahagian atas abdomen, sembelit, pedih ulu hati dan tiada selera makan.
- Kulit: kemerah-merahan dan gatal-gatal.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Glucosatin Tablet**

##### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Glucosatin Tablet dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering, di bawah suhu 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari kelembapan.

##### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Glucosatin Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini

dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### -Rupa dan warna produk

Axcel Glucosatin Tablet adalah tablet berwarna merah jambu, berbentuk bujur, bersalut film, bertanda Kotra pada satu permukaan dan kosong pada permukaan yang lain.

##### -Bahan-bahan kandungan

###### - Bahan Aktif:

Glucosamine Sulphate dan Chondroitin Sulphate Sodium.

###### - Bahan Tidak Aktif:

Microcrystalline Cellulose (Ceolus KG-802), Microcrystalline Cellulose PH101, Magnesium Stearate, Opadry pink, PVP K90, Croscarmellose Sodium dan Isopropyl Alcohol.

##### -Nombor MAL

MAL12055037X

#### **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

20/02/2018

#### **Nombor siri**

NPRA(R4/1)020218/00035